



KENYATAAN MEDIA YAYASAN MyAQSA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

1. Yayasan MyAQSA (MyAQSA) amat mengalu-alukan kenyataan YAB Dato Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri yang telah disiarkan oleh akhbar tempatan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan dasar kerajaan terdahulu dalam isu membabitkan Palestin.
2. Pencerobohan haram Amerika Syarikat melalui pembukaan pejabat kedutaan di Jerusalem sewajarnya dikecam dan ditolak oleh semua pihak. Perbuatan Amerika Syarikat ini amat jelas telah menyalahi undang-undang dan perjanjian antarabangsa. Pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) jelas menyatakan bahawa tidak boleh ada mana-mana kedutaan di Jerusalem, selagimana status penyelesaian Dua Negara (*two state solution*) belum dimuktamadkan. Pihak Amerika juga telah melanggar perjanjian Oslo 1993 yang telah mengiktiraf kuasa kerajaan Palestin dibawah pimpinan *Palestine Liberation Organization* (PLO).
3. Kewujudan Kedutaan Amerika bukan saja melanggar ketetapan dan perjanjian antarabangsa malahan lebih buruk lagi ianya akan membantutkan usaha-usaha damai di antara Palestin dan Israel. Tidak dinafikan kemarahan rakyat Palestin akan membangkitkan Intifadah Al-Aqsa yang lebih besar. Namun, keangkuhan Rejim Zionis Israel dan rakyatnya juga akan meningkat lalu suasana huru-hara pasti menjadi natijah yang buruk.
4. Kedudukan Malaysia sebagai negara yang cintakan keamanan dan keadilan sudah tentu mewajibkan kita semua untuk berusaha membantu menyelesaikan perkara ini. Sebagai negara anggota OIC, sudah tentu Malaysia boleh berperanan dengan lebih jauh lagi dalam melaksanakan tindakan-tindakan yang profesional dan berkesan. Tidak hanya retorik, laungan slogan dan demonstrasi lemah tetapi satu tindakan yang jitu serta berkesan.
5. MyAQSA sentiasa bersedia membantu dan berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk melaksanakan beberapa langkah serta usaha-usaha strategik diperingkat lokal mahupun global secara berterusan untuk memberikan tekanan kepada Israel seterusnya memastikan kebebasan Baitulmaqdis daripada sebarang bentuk penjajahan.

LABBAIKA YA AQSA!

DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN

Ketua Pegawai Eksekutif

25 Mei 2018M / 9 Ramadhan 1439H

Laman Sesawang : www.myaqsa.my

Facebook : MyAQSA

Twitter : @MyAQSA_Official